Jauhi tilikan maya

Perbuatan ditegah agama

Oleh Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

"Kandungan ayat suci al-Quran secara jelas menyatakan bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri mengubah apa yang ada pada diri mereka.

"Kejayaan atau masa depan seseorang individu itu bergantung kepada usaha dan faktor persekitaran, bukannya dengan hanya mempercayai tilikan semata-mata, apatah lagi menerusi media sosial yang dikhuatiri merosakkan pemikiran serta akidah," kata pakar sosiologi Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Beliau mengulas kegilaan segelintir netizen melayari satu laman web berunsur tilikan yang kononnya dapat meramal nasib seseorang dalam masa hanya beberapa saat walaupun mungkin hanya sekadar permainan atau hiburan.

Ramalan itu turut merangkumi takdir atau masa depan seseorang antaranya berkaitan dengan carta bulanan kehidupan, kriteria bakal jodoh atau pasangan selain jumlah dan jantina anak yang bakal dimiliki kelak.

Menurut Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), perkara seumpama itu berkemungkinan dianggap remeh segelintir pihak, namun ia berupaya menjadi tabiat buruk sekiranya tidak dikawal secara serius.

"Sebagai contoh, jika seseorang itu diramalkan bernasib malang seperti ditimpa musibah atau tiada rezeki dan zuriat, ia pada awalnya mungkin tidak dipercayai namun lama-kelamaan mampu menyebabkan individu berkenaan terpengaruh sehingga melakukan perbuatan tidak sepatutnya.

"Sekiranya membabitkan tuah seperti dikurniakan kekayaan harta atau masa depan yang cerah, ia turut dikhuatiri menjadikan individu itu bersikap malas untuk berusaha, sekali gus terlalu taasub dengan kehidupannya yang pada hakikatnya hanya normal," katanya.

> "Dikhuatiri menjadikan individu itu bersikap malas untuk berusaha, sekali gus terlalu taasub dengan kehidupannya yang pada hakikatnya hanya normal"
>
> *Dr Mohammad Shatar Sabran*

Justeru, beliau berkata, masyarakat perlu menghindarkan diri daripada mempercayai 'jurutilik' seumpama itu yang jelas menyalahi hukum agama selain berupaya menjadi 'barah' sosial terutama kepada generasi muda masa kini.

"Jika nasib hidup tidak begitu baik, kita sebagai manusia perlu berusaha untuk menjadikan diri ke arah lebih baik dan bukannya hanya bergantung kepada tilikan semata-mata. Jika tidak cantik atau kaya, kena berusaha untuk menjadi ke arah itu.

"Tidak mengapa kalau mahu menganggap tilikan itu sebagai hiburan, namun jangan menjadikannya realiti dalam kehidupan," katanya yang berharap pihak berkaitan dapat memantau dan melakukan tapisan.

Sementara itu, pendakwah bebas yang juga pensyarah Fiqah Semasa Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim berkata, perbuatan berkenaan sememangnya ditegah dalam Islam kerana mempercayai 'tamaim' atau tilik nasib yang diamalkan sejak zaman jahiliah terdahulu.

"Ia sama seperti menganggap kepercayaan karut yang kononnya mampu meramal masa depan itu sebagai panduan hidup. Jika umat Islam mempercayainya, ia boleh membawa kepada perbuatan syirik," katanya.